

Artikel

Perubahan Amalan Ngeduang dalam Adat dan Ritual Kematian Etnik Bajau
(*The Changes in Ngeduang Practice in the Customs and Death Rituals
of the Bajau Ethnic*)

Nordiana Mosum* & Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff

Pusat Kajian Bahasa, Kesusastraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

*Pengarang Koresponden: p145364@siswa.ukm.edu.my

Diserah: 15 Disember 2024

Diterima: 20 Februari 2025

Abstrak: Makalah ini membincangkan mengenai perubahan amalan *ngeduang* dalam adat dan ritual kematian etnik Bajau di Sabah. Amalan *ngeduang* merupakan salah satu adat yang diamalkan sehingga hari ini dalam ritual kematian etnik Bajau di Sabah. Namun begitu, peredaran zaman tidak menghakis amalan tradisi ini, sebaliknya hanya mengalami perubahan bagi tujuan penambahbaikan. Objektif kajian ini menganalisis perubahan yang berlaku mengenai amalan *ngeduang* dalam adat dan ritual kematian Bajau. Teori perubahan sosial gagasan Wilbert E. Moore dijadikan panduan untuk mencapai objektif kajian. Metodologi kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif bersifat etnografi iaitu menerusi kaedah kajian lapangan terdiri daripada pemerhatian, ikut serta dan temu bual dijalankan di Kampung Taun Gusi, Kota Belud, Sabah. Informan yang dipilih terdiri daripada individu yang arif berkaitan adat resam masyarakat Bajau seperti Ketua Adat, pengamal dan penyelidik. Kajian kepustakaan seperti jurnal, buku dan laporan adalah berperanan sebagai data-data sekunder bagi menyokong kajian ini. Data-data kajian akan melalui proses penyaringan dengan menggunakan teknik analisis tematik dan bacaan rapi. Hasil dapatan kajian jelas menunjukkan amalan *ngeduang* mengalami perubahan yang ketara dalam adat dan ritual kematian etnik Bajau di Sabah. Sehubungan dengan itu, kajian ini membuktikan bahawa amalan *ngeduang* mesti dipertahankan untuk mengekalkan indikator atau identiti etnik Bajau sebagai suku kaum yang unik. Sumbangan kajian ini sangat penting sebagai pengetahuan baharu kepada generasi muda dan masyarakat umum di Malaysia berkenaan warisan kebudayaan etnik Bajau. Kajian ini juga berupaya membuktikan kekayaan warisan tidak ketara etnik Bajau yang meliputi pelbagai aspek kehidupan termasuklah dalam pelaksanaan adat dan ritual kematian mereka.

Kata Kunci: *Ngeduang*; adat; ritual; kematian; Bajau; teori perubahan sosial

Abstract: This paper discusses the changes in the practice of *ngeduang* in the customs and death rituals of the Bajau ethnic group in Sabah. The practice of *ngeduang* is one of the customs that is still carried out today in the death rituals of the Bajau ethnic group in Sabah. Nevertheless, the passage of time did not diminish this traditional practice, but rather has only undergone changes for the purpose of improvement. The objective of this study is to analyse the changes that have occurred in the practice of *ngeduang* within the Bajau customs and death rituals. The theory of social change proposed by Wilbert E. Moore is used as a guide to achieve the objectives of the study. The methodology of this study uses a qualitative ethnographical approach, which is through field research methods consist of observation, participation and interviews conducted in Kampung Taun Gusi, Kota Belud, Sabah. The selected informants consist of individuals who are knowledgeable about the customs of the Bajau community such as Customary Chiefs, practitioners and researcher. Library studies

such as journals, books and reports served as secondary data to support this study. The study data will go through a screening process using thematic analysis techniques and proofreading. The findings of this study clearly shows that the practice of *ngeduang* has undergone significant changes in the customs and death rituals of the Bajau ethnic group in Sabah. In this regard, this study proves that the practice *ngeduang* must be preserve in order to maintain the indicator or identity of the Bajau ethnic group as a unique tribe. The contribution of this study is very important as new a knowledge to the younger generation and the general public in Malaysia regarding the cultural heritage of the Bajau ethnic group. This study also able to prove the wealth of the Bajau ethnic group's intangible heritage which covers various aspects of life including in the implementation of their customs and death rituals.

Keywords: *Ngeduang*; custom; rituals; death; Bajau; theory of social change

Pengenalan

Masyarakat di Sabah terdiri daripada pelbagai suku kaum, etnik, budaya dan warisan kesenian sekaligus mengangkat negeri Sabah di Bawah Bayu sebagai salah satu khazanah kebudayaan yang berharga di Malaysia. Khazanah inilah menjadikan Sabah merupakan salah satu destinasi pelancongan yang menarik untuk dilawati. Lebih-lebih lagi, masyarakat di Sabah yang bervariasi menawarkan adat tradisi yang unggul dan imej kepada identiti asal usul mereka. Dengan itu, masyarakat Bajau di Sabah dijadikan salah satu warisan budaya tidak ketara menerusi beberapa adat dan ritual mereka yang eksotik antaranya termasuklah soal perlaksanaan adat dan ritual kematian. Etnik Bajau secara tidak langsung mendapat tempat khusus di mata pengunjung kerana tertarik dengan amalan dan cara hidup mereka yang berbeza setiap etnik darinya. Menurut informan 3, menjelaskan bahawa adat dan ritual kematian etnik Bajau amat unik dan berperanan sebagai indikator serta identiti mereka. Menurut Suraya et.al., (2022) salah satu daripada indikator kesejahteraan insan (*human well-being indicator*) ialah hubungan sosial yang dapat memupuk perkembangan manusia. Jelaslah bahawa, amalan *ngeduang* antara adat yang mengeratkan silaturahim sesama masyarakat Bajau serta menzahirkan kasih sayang menerusi perkongsian rezeki.

Masyarakat Bajau mengamalkan cara hidup dan adat tradisi yang diperturunkan oleh legasi nenek moyang terdahulu yang dikenali sebagai *embo-embo* termasuklah dalam adat dan ritual kematian. Jacqueline dan Steven (2022) tidak menafikan bahawa kewujudan kepercayaan masa lalu dikaitkan dengan interaksi alam dan manusia dan telah berlaku sebelumnya. Rangkaian interaksi ini juga dijelaskan masih lagi berlaku sehingga ke hari ini. Etnik Bajau Sama khususnya sangat berpegang teguh dengan adat kematian sehingga perlu dilaksanakan sebaiknya agar tidak menyalahi undang-undang adat yang telah ditetapkan oleh Mahkamah Anak Negeri sebagai panduan pengamal. Hal ini demikian kerana, perlanggaran kepada undang-undang atau dikenali dengan *sogit* boleh menyebabkan individu tersebut akan menerima hukuman berlandaskan ketetapan denda adat yang telah ditetapkan. Rosazman Hussin et.al., (2022) menjelaskan objektif *sogit* adalah menjamin kesepadan sosial tetap kukuh dalam kehidupan harian orang asal di Sabah yang menjurus kepada sikap toleransi dan hubungan harmoni antara ahli masyarakat. Hakikatnya, masyarakat Bajau beragama Islam dan *ngeduang* merupakan salah satu adat yang dijadikan amalan dan warisan tradisi nenek moyang mereka yang bersandarkan konsep sedekah. Perubahan dalam amalan *ngeduang* berubah selaras dengan tuntutan semasa serta mengikut ajaran Islam mutakhir yang memudahkan umatNya. Oleh itu, objektif kajian ini adalah menganalisis perubahan yang berlaku terhadap amalan *ngeduang* dalam upacara kematian etnik Bajau Sama di Kampung Tuan Gusi, Kota Belud, Sabah.

Sorotan Literatur

Penulisan mengenai perubahan amalan *ngeduang* tidak banyak dikaji secara terperinci oleh pengkaji sebelumnya. Kebanyakkan penulisan mengenai amalan *ngeduang* berkaitan fungsinya secara umum atau dari perspektif yang berbeza. Limitasi kajian amalan *ngeduang* ini memberi kesan terhadap usaha untuk menganalisis perubahan mengenai amalan ini secara lebih terperinci yang dilakukan oleh masyarakat Bajau Sama di Kampung Taun Gusi, Kota Belud, Sabah khususnya. Namun begitu ada juga penulisan berbentuk

ilmiah yang membincangkan mengenai perubahan amalan *ngeduang* sebelumnya. Sehubungan dengan itu, perbincangan kajian lepas ini boleh dibahagikan kepada dua kata kunci iaitu subjek utamanya perubahan amalan *ngeduang* serta kedua, adat dan ritual kematian etnik Bajau di Sabah.

Penulisan mengenai perubahan adat atau amalan *ngeduang* dalam kalangan masyarakat Bajau amat kurang dihasilkan. Namun masih terdapat penulisan berkaitan perubahan *ngeduang* misalnya oleh Halina Sandera & Saidatul Nornis (2008), kajian mengenai *Duang: The Semiotic Interpretation and Perception of the Bajau-Sama Community in Sabah*. Kajian ini memperkenalkan interpretasi dan persepsi semiotik tradisi masyarakat Bajau-Sama di daerah Kota Belud, Sabah. Perbincangan tersebut difokuskan kepada komunikasi tanpa lisan dalam ritual kematian yang dikenali sebagai *ngeduang*. Selain itu, pengkaji menjelaskan perkaitan hubungan antara makna tersurat dan tersirat tentang *duang* dengan interpretasi dan persepsi masyarakat Bajau terhadap kehidupan mereka. Kemudian, Halina Sendera (2018), mengkaji mengenai *Struktur Adat Kematian Menyingkap Pandangan Alam dan Kosmologi Masyarakat Bajau*. Buku ini mengandungi tujuh pecahan bab. Pada penulisan bab dalam buku ini, Halina memfokuskan berkaitan aspek demografi dan sosiobudaya masyarakat Bajau. Kemudian, memerihalkan mengenai amalan ritual sebelum dan semasa upacara pengebumian serta membicarakan berhubung amalan selepas ritual kematian. Lain daripada itu, aspek-aspek perubahan turut dikemukakan namun perubahan itu jelas berbeza dengan sudut pandang Wilbert dalam teori perubahan sosial (1965) yang telah dikaji oleh pengkaji sebelumnya. Ini memperkaya lagi sumbangan kajian mengenai adat dan ritual kematian masyarakat Bajau Sama khususnya untuk dibincangkan dengan lebih mendalam menjurus aspek-aspek serta faktor-faktor perubahan.

Seterusnya, penulisan menjurus kepada kata kunci kedua iaitu adat dan ritual kematian etnik Bajau kajian oleh Izmanira Ismail dalam penulisan tesisnya “Adat Tradisi Kematian Bagi Suku Kaum Bajau (Sama) Taun Gusi Kota Belud Sabah” (2003) memperkenalkan antara adat tradisi kematian masyarakat Bajau Taun Gusi, Kota Belud Sabah yang diamalkan oleh mereka. Selain itu, pengkaji turut menjelaskan mengenai peranan dan denda adat yang dipraktikkan sekiranya berlaku pelanggaran berkaitan adat tradisi kematian etnik Bajau Sama khususnya. Denda adat adalah akta yang telah termaktub dalam undang-undang adat dan perlu dipatuhi. Meskipun, etnik Bajau Sama di Kota Belud dan di Kunak berasal daripada kelompok yang sama namun, pelaksanaan adat tradisi mereka jelas berbeza. Hal ini kerana, dalam soal kematian etnik Bajau Sama di Kota Belud, pelanggaran darinya boleh dikenakan denda adat dan tindakan undang-undang. Sementara bagi orang Bajau di Kunak, mereka berpegang kepada konsep *nibusung* atau terkena tulah dan kepercayaan. Gaynor (2005), menjelaskan kebusungan itu boleh berlaku kepada seseorang individu atas beberapa faktor tindak tanduknya dalam kehidupan. Hakikatnya, amalan dan penerimaan kepadanya tidak menjaskankan apa-apa serta terpulang kepada pengamal untuk menilai berdasarkan kepercayaan dan kefahaman masing-masing yang diterapkan dalam diri mereka sejak kecil.

Saidatul Nornis (2010) pngr., *Adat dan Ritual Kematian di Sabah*. Buku ini dilihat sebagai pendedahan mengenai upacara kematian etnik Bajau Sama. Di dalamnya, terkandung manifestasi kebudayaan mengenai adat *ngeduang* tetapi tidak dibincangkan secara lebih terperinci. Penjelasan itu membantu pengkaji mendapatkan data tambahan sebagai rujukan. Selain itu, Nordiana (2017), penulisan ilmiah pengkaji sebelumnya yang mengkaji mengenai “Adat dan kepercayaan dalam ritual kematian masyarakat Bajau”. Kajian ini berfokuskan penduduk Bajau yang menetap di daerah Kunak, Sabah. Kajian ini telah menyenaraikan bentuk-bentuk adat dan ritual perlaksanaan kematian etnik Bajau Sama yang dapat dipecahkan kepada tiga proses pengurusan jenazah iaitu sebelum, semasa dan selepas upacara pengebumian. Selain itu, pengkaji juga memerihalkan setiap perbezaan pelaksanaan dalam pengurusan jenazah yang berbeza mengikut sistem kelas sosial tradisional yang diwarisi oleh si mati. Pengkaji seterusnya menghubungkaitkan adat tradisi serta unsur-unsur kepercayaan dalam pelaksanaan upacara kematian etnik Bajau Sama, di daerah Kunak. Unsur-unsur kepercayaan memainkan peranan penting dalam adat dan ritual kematian etnik bajau di Kunak kerana dihubungkaitkan dengan *worldview* serta pertembungan budaya dalam kalangan masyarakat pengamal.

1. Teori Perubahan Sosial

Teori Perubahan Sosial oleh Wilbert (1965) membincangkan keadaan sebenar yang menjadi titik permulaan kepada berlakunya perubahan satu demi persatu. Beliau menyatakan masyarakat tidak lari daripada melakukan

perubahan kerana sudah menjadi kelaziman. Dalam penulisannya, “*The Social Change* (1965) menjelaskan bagaimana manusia melayari perubahan bermula daripada kekacauan sezaman, order dan perubahan serta magnitud. Pada peringkat awalnya, Wilbert menerangkan mengenai perubahan-perubahan berskala kecil yang didasari oleh beberapa faktor. Seiringan dengan itu, keadaan ini mendorong kepada perubahan dalam masyarakat merangkum pelbagai aspek sehingga kepada pembentukan pemodenan dan evolusi sosial.

Menurut Wilbert (1965), perubahan sosial iaitu sekurang-kurangnya, keseimbangan biasa antara kuasa dengan sumber dalam berbagai-bagai bahagian struktur masyarakat mungkin akan diubah selama-lamanya; terutamanya ketegangan biasa dalam sistem serta ketegangan itu dipelihara. Revolusi sosial memperlihatkan perubahan itu berlaku disebabkan beberapa faktor iaitu revolusi industri pembuatan, pendedahan pendidikan dan secara tidak langsung menyebarkan pengaruh agama. Ini bermakna, setiap elemen ini adalah saling berhubung kait dan berjalan seiring dengan waktu secara berterusan. Begitu juga dengan pendekatan pendidikan berupaya membentuk peradaban manusia lebih baik dan berpaksikan agama yang dianuti mereka. Secara tidak langsung, pendidikan berperanan memperbaiki adat-adat tradisi sebelumnya.

Pertembungan budaya yakni akulterasi merujuk kepada pemindahan unsur-unsur kebudayaan atau sosial daripada sebuah masyarakat yang lain. Akulterasi boleh berlaku disebabkan beberapa situasi, iaitu termasuklah disebabkan oleh imperialism, seperti penjajahan dan pemerintahan secara tidak langsung, peperangan lain, serangan, pendudukan ketenteraan, agama mualih yang digelar sebagai ‘imperialisme agama’. Lain daripada itu, faktor migrasi massa, seperti gerakan kependudukan di kawasan Eropah dan Asia atau migrasi ‘orang perseorangan’, seperti migrasi Atlantik dan migrasi orang Cina di Asia Tenggara.

Sistem norma merujuk kepada keseluruhan peraturan tingkah laku. Norma diistilahkan juga sebagai *more*, iaitu suatu nilai yang sangat dituntut dan pelanggaran terhadapnya akan dikenakan hukuman, (Anwar Din, 2007: 97). Perubahan norma adalah perkaitan dengan amalan dan sistem nilai yang dipegang oleh sesebuah masyarakat. Misalnya, nilai-nilai persaudaraan, kejiranan dan sebagainya.

Penyesuaian persekitaran membawa maksud perkembangan semasa dan kesesuaian atas faktor geografi perlu dititikberatkan dalam memenuhi tuntutan agar amalan dan adat itu dapat diteruskan. Latar belakang alam semula jadi dan gerak kuasa alam itu tidak terkawal menyebabkan berlakunya perubahan. Apa yang dimaksudkan dalam perubahan struktur masyarakat boleh dilihat dalam dua penanda aras iaitu kemungkinannya berlaku disebabkan pembaharuan teknikal, yang akan mengubah tetapi tidak akan menyelesaikan sifat “cabaran suasana sekeliling” dan kesan sekunder yang didorong oleh perubahan dalam asas teknologi masyarakat.

Hasilnya, keempat-empat elemen dalam teori pendekatan sosial oleh Wilbert (1965) menjurus kepada perubahan daripada tradisi kepada moden atau dengan erti kata yang lain, lama kepada baharu, serta sukar menjadi lebih mudah. Hakikatnya dapat membuktikan perubahan dalam amalan *ngeduang* itu berlaku berpadanan dengan pandangan Wilbert. Bahkan, perubahan amalan ini membuktikan kebijaksanaan atau pemikiran dinamik etnik Bajau tanpa perlu menghakis nilai-nilai murni yang terbentuk dari adat *ngeduang*. Misalnya, nilai pengorbanan, menyayangi, menghargai serta persaudaraan atau hubungan baik yang kuat menerusi amalan *ngeduang*, yakni lambang berkongsi rezeki.

Metodologi Kajian

1. Lokasi Kajian

Tumpuan kajian dijalankan terhadap komuniti etnik Bajau Pantai Barat di Sabah, khususnya di daerah Kota Belud yang menetap di Kampung Taun Gusi. Etnik Bajau dapat dikenali dengan dua pecahan kumpulan iaitu yang menetap di sebelah Pantai Barat, mereka dikenali sebagai Bajau Sama. Sementelah itu, masyarakat Bajau Pantai Timur Sabah khasnya dari daerah Semporna pula mempunyai gelaran istimewa dan unik seperti “*sea gypsies*”, Panglima Dilaut, Pelaut dan Pelayar Terunggul. Menurut Chou & Clifton, 2010) Masyarakat Bajau Laut di Indonesia dikatakan mempunyai pelbagai terminologi. Antaranya termasuklah, Badjao, Samal, Samal-Laud, Luwaan, *Sea Gypsy*, Gaj, Bajo, Lutaos dan Luan, Panglima Dilaut, Pelaut dan Pelayar Terunggul.

2. Pengumpulan Data Kajian

Kajian ini memanfaatkan serta menggunakan kaedah reka bentuk pendekatan kajian kualitatif. Penyelidikan kualitatif berteraskan kefahaman, tafsiran, dialami dan dihasilkan, (Shaiful Bahri, 2016). Kajian ini telah dijalankan dengan menggunakan teknik pemerhatian terhadap amalan *duang* dalam adat dan ritual kematian etnik Bajau yang dipraktikkan. Selain itu, kaedah temu bual separa struktur telah dijalankan terhadap individu yang berwibawa dan arif dalam masyarakat mereka. Temu bual separa struktur dipilih untuk menemu bual informan secara mendalam. Sebelum memulakan proses temu bual, pengkaji akan memberikan penjelasan berkaitan matlamat dan tujuan kajian ini dijalankan. Penerangan ini bagi memudahkan informan memahami intipati kajian dan kesediaan mereka untuk memulakan mana-mana topik perbincangan mengikut keselesaan serta berlandaskan soalan temu bual yang telah disediakan. (Bernard, 2002) Proses ini dianggap berkesan kerana dilihat lebih kompeten dalam mengendalikan urusan pengumpulan data-data temu bual semasa di lapangan. Proses catatan berterusan, rekod temu bual dengan keizinan informan dan mengambil foto dijalankan secara serentak bagi menjamin kelangsungan kutipan data.

Pemilihan informan merupakan kriteria penting dalam kajian ini kerana harus dipilih berdasarkan penglibatan, kewibawaan serta sumbangan mereka dalam kebudayaan etnik Bajau di Sabah. Dengan itu, kedua-dua kaedah kajian ini telah menyumbang kepada penghasilan data bersifat primer kerana pengkaji perlu ikut serta secara langsung bagi mendapatkan data yang sahih dan bersesuaian. Berdasarkan jadual 1 di bawah menunjukkan maklumat diri atau pemilihan informan bagi sesi temu bual untuk mendapatkan data-data yang diperlukan pengkaji.

Jadual 1. Pemilihan informan					
Informan	Jantina	Umur	Pekerjaan	Alamat	
Informan 1	Lelaki	70an	Mantan Ketua Anak Negeri Kota Belud (Selaku Ketua Adat)	Kampung Taun Gusi, Kota Belud, Sabah	
Informan 2	Lelaki	60an	Pegawai Mahkamah Anak Negeri Kota Belud	Kampung Taun Gusi II, Kota Belud, Sabah	
Informan 3	Perempuan	50an	Pensyarah (UMS), Universiti Malaysia Sabah	Kota Kinabalu, Sabah	

Sumber: Kajian lapangan (2022)

Seterusnya, kajian keperpustakaan dilakukan untuk menghasilkan data sekunder agar berupaya menyokong data primer pada permulaan tadi. Kajian keperpustakaan ini secara tidak langsung membantu menjelaskan mengenai asal usul, fokus serta lokasi kajian etnik Bajau yang telah disasarkan agar bersesuaian dengan kajian ini. Data-data bersifat sekunder ini terdiri daripada pelbagai sumber sama ada bahan bacaan bercetak mahupun atas talian. Rujukan seperti buku, jurnal dan laporan diaplikasikan dalam membantu memperolehi data yang diperlukan. Begitu juga, sumber atas talian yang dijadikan rujukan menerusi akses capaian seperti *Google Scholar* dan *Researchgate*.

3. Analisis Kajian

Bagi memperolehi data yang betul dan sahih, kedua-dua data ini iaitu primer dan sekunder perlu menjalani proses penyaringan dalam memastikan data yang diambil adalah bersesuaian dan tepat. Proses penyaringan data ini menggunakan teknik tematik. Seterusnya, pengkaji akan mendengar semula rakaman yang diambil sepanjang tempoh lapangan dengan informan yang disasarkan. Tujuannya, bagi mendapatkan kesemua data tersebut dengan menterjemahkannya ke dalam bentuk transkripsi. Teknik analisis kandungan dan bacaan rapi dijalankan bertujuan untuk memastikan data-data yang telah diperolehi adalah benar-benar dan sahih bagi menjelaskan penemuan baharu kepada kajian ini. Proses penyaringan ini penting dan perlu dijalankan secara teliti agar pada bahagian hasil dapatkan boleh menjelaskan objektif kajian ini secara menyeluruh.

Hasil Kajian dan Perbincangan

Berdasarkan proses analisis yang dilakukan menerusi kutipan data jelas menunjukkan bahawa berlakunya perubahan amalan *ngeduang* dalam pelaksanaan adat dan ritual kematian masyarakat Bajau Sama. Kajian ini

penting kerana perlu dijaga menerusi usaha-usaha pendokumentasian. Keperluan ini adalah untuk memastikan perubahan amalan *ngeduang* itu tidak menghakis kelestarian fungsi dan makna dari adat itu sendiri diamalkan. Lebih-lebih lagi, amalan *ngeduang* ini berpaksikan nawaitu tuan rumah atau keluarga si mati untuk bersedekah. Keadaan ini selari dengan usaha memulihara warisan budaya tidak ketara agar tidak hilang ditelan zaman. Oleh itu, hasil dapatan yang diperolehi didapati selari pencapaian objektif kajian iaitu menganalisis perubahan amalan *ngeduang* berlandaskan elemen teori perubahan sosial yang dijadikan panduan. Hasil dapatan itu dapat menerangkan mengenai perubahan amalan *ngeduang* itu terdiri mengikut empat elemen seperti yang dikemukakan oleh Wilbert (1965) iaitu perubahan sosial, pertembungan budaya, penyesuaian persekitaran dan perubahan norma dihuraikan secara terperinci bagi menganalisis dapatan kajian keseluruhannya. Christina Andin et. al., (2022) menjelaskan bahawa bahasa dan budaya warisan itu dijadikan sebagai lambang identiti sesuatu etnik. Tambahnya, setiap etnik jelas mempunyai bahasa etnik dan juga budaya warisan turun temurun seperti upacara adat dan perayaan. Menurut Johan Johnes et.al., (2022) perayaan rakyat memainkan fungsi yang luas untuk dijadikan sebagai tapak atau landasan bagi pengukuhan keharmonian masyarakat. Sumbangannya bukan hanya kepada pemeliharaan serta pengukuhan warisan budaya, bahkan menyumbang kepada industri ekonomi lain seperti pelancongan. Lazimnya, etnik Bajau Sama dapat dikenal pasti menerusi amalan dan adat mereka termasuklah dalam soal kematian. Kerencaman dan kemampuan budaya warisan berupaya menjadi sumber ekonomi negara menerusi keunikian budaya di Sabah. Nadiyah & Er Ah Choy (2021) mengukuhkan terdapat beberapa faktor-faktor yang mempengaruhi pelancongan warisan di Sabah antaranya termasuklah warisan budaya dan perayaan digambarkan berupaya menarik minat serta meningkatkan jumlah kunjungan pelancong. Oleh itu, pelbagai usaha perlu diambil bagi memperkasa serta melestarikan kekayaan budaya peribumi di Sabah untuk diketengahkan kepada masyarakat luar sebagai persembahan baharu dan begitu juga amalan serta adat yang diperaktikkan mereka.

1. Perubahan Sosial

Revolusi dengan erti kata yang ringkas membawa maksud perubahan sosial budaya yang berlaku secara pantas melibatkan kebudayaan kehidupan masyarakat. Revolusi boleh dikategorikan kepada dua kejadian iaitu sama ada secara tersusun atau direncanakan mahupun tidak. Kedua-duanya juga turut membawa perubahan secara total ke dalam kehidupan masyarakat. Tanggapan terhadap pembaharuan membuka mata masyarakat untuk bersama-sama menerima perubahan. Perubahan itu berlaku atas dasar rasional, keperluan, tuntutan adat, peranan kelompok mahupun individu ke hadapan serta mempertimbangkan tujuan dan tawaran jika perubahan itu akan dilakukan.

Amalan *ngeduang* dijalankan selepas upacara kematian dalam pelaksanaan *mangan bangi* atau kenduri arwah. Perubahan perlakuan dalam amalan *ngeduang* jelas membuktikan bahawa berlakunya peralihan mengikut tuntutan Islam. Salah satunya, amalan bersedekah dalam pelaksanaan amalan *ngeduang*. Tidak semua suku kaum Bajau Sama masih mengamalkan adat *ngeduang* kerana telah ditukarkan kepada konsep sedekah yang lebih memudahkan. Amalan *ngeduang* ini diadakan bertujuan untuk memberikan sedekah bagi wakil si mati daripada pihak keluarganya. Selain itu, amalan sedekah dianggap mampu meneruskan amal jariah si mati di alam sana mewakili ahli kerabat dan penyampaian keluarganya. Ekoran daripada itu, sudah menjadi kewajipan bagi orang Bajau Sama mengadakan amalan *ngeduang* sebagai bentuk sedekah mereka kepada jemaah yang hadir.

Lantaran daripada itu, informan 1 menjelaskan bahawa beliau dan seisi keluarga telah mengubah praktik amalan *ngeduang* kepada konsep sedekah yang lebih memudahkan. Dalam pengertian yang lain, konsep sedekah yang menjadi amalan dalam *ngeduang* telah diubahsuai kepada menyediakan makanan mengikut kemampuan, kemudian dihantarkan ke masjid-masjid berdekatan. Agama Islam dizahirkan dalam ritual kematian agar masyarakat peka terhadap tuntutan Islam yang bertujuan untuk memudahkan umatnya.

Tambahnya, sepanjang tempoh penglibatannya dalam upacara kebudayaan dan adat istiadat masyarakat Bajau Sama, pelbagai jenis juadah telah diterima olehnya. Beliau pernah menerima raga besar yang dimuatkan dengan sebiji nangka besar. Ada juga yang memberikan peralatan dan perkakas seperti barang-barangan dan selipar. Bahkan, diberikan buahan-buahan tempatan dengan kuantiti yang banyak. Pendek kata, pemberian ini adalah seikhlas hati berdasarkan kemampuan si pemberi kepada si penerima.

Tuntasnya, sedekah itu bermacam bentuk dan bersifat bebas mengikut kemampuan si pemberi. Jelaslah bahawa, perubahan sosial dalam adat dan ritual kematian etnik Bajau Sama menerusi amalan *ngeduang* lebih berfokuskan kepada pendekatan sedekah iaitu nawaitu si pemberi mengikut kemampuannya sendiri. Ini bermakna, konsep bersedekah itu merangkum pemberian sesuatu yang bebas dan ruang lingkup yang luas berdasarkan kemampuan individu itu.

2. Pertembungan Budaya

Pendedahan dengan dunia luar dan pembaharuan membawa masuk pelbagai versi kebudayaan. Kebudayaan itu antara lainnya boleh terdiri daripada masakan atau makanan dan norma hidup yang dipegang oleh masyarakat pengamal. Pertembungan budaya ini dijadikan platform untuk berkongsi dan mempelajari kebudayaan dunia luar. Perlu ditekankan di sini bahawa, adat dan amalan *ngeduang* itu tetap menjadi pegangan mereka, namun diselaraskan dengan kepelbagaian etnik di dalamnya.

Salah satu perubahan amalan *ngeduang* menerusi faktor percampuran budaya antara masyarakat Bajau Sama dan orang Melayu. Kepelbagaian budaya ini telah diterapkan ke dalam pelbagai jenis juadah yang dibungkuskan dalam praktik amalan *ngeduang*. Misalnya, juadah *ngeduang* ini tidak lagi berfokuskan makanan tradisi sahaja. Masakan Melayu juga ada disajikan seperti kerabu, daging masak lada hitam, ayam rendang, ayam kari, ikan masak tiga rasa dan pelbagai lagi. Makanan ini biasanya disediakan semalam sebelum kenduri itu dilaksanakan pada keesokan paginya. Dengan erti kata yang lain, aktiviti menyiapkan kuih tradisional seperti penjaram, kuih karas, wajik dan lain-lain lagi dipersiapkan pada waktu malam. Aktiviti rewang dan memotong serta menyediakan bahan-bahan masakan dijalankan sebelum juadah dimasak pada keesokan paginya. Ini membuktikan, masakan dan juadah *ngeduang* juga telah mengalami revolusi dan penerapan masakan Melayu hasil pembelajaran atau perkongsian ilmu dalam masyarakat kampung sejagat.

Penerangan ini berpadanan dengan kenyataan informan 2 apabila menerima menantu daripada seberang tanah Semenanjung. Secara keseluruhannya, ahli baharu telah mengubah corak pemakanan dan masakan ruji harian kepada cara memasak ala-ala Melayu. Misalnya, ayam masak lemak, ayam rendang dan nasi lemak. Tuntasnya, pertembungan dua budaya berbeza menjalin perkongsian budaya dalam satu ritual iaitu amalan *ngeduang* dalam adat dan ritual kematian etnik Bajau Sama.



Gambar 1. Contoh Juadah dalam *Kepala Duang*
Sumber: Kajian Lapangan (2022)

3. Perubahan Norma

Perubahan norma adalah perkaitan dengan amalan dan sistem nilai yang dipegang oleh sesebuah masyarakat. Masyarakat Bajau Sama memperlihatkan kesepaduan dan subjektif yang ingin dicapai secara bersama menerusi nilai-nilai pemurnianan Islam demi pengamal yang merupakan individu beragama Islam. Bagi amalan *ngeduang* sedekah dilakukan dalam penyediaan *duang* yang pelbagai versi iaitu *duang tampus* dan *kepala duang*. *Kepala duang* adalah pemberian atau perkongsian kaum kerabat dan keluarga si mati

untuk diberikan kepada ketua-ketua jemaah yang membacakan yassin dan zikir. *Duang tampus* merujuk penyediaan tuan rumah yang diniatkan sedekah kepada orang ramai yang terlibat dalam bacaan yassin tersebut. Perjalanan ini dibezakan oleh peranan individu sahaja namun nawaitunya tetap sama iaitu sedekah dan pemberian.

Diteliti bahawa konsep rewang adalah amalan bertepatan dalam norma budaya pelaksanaan amalan *ngeduang* ini. Rewang atau aktiviti bergotong-royong orang ramai melibatkan antara tuan rumah dengan jemaah bacaan yassin dan tahlil, tuan rumah dengan penduduk kampung serta tuan rumah dengan antara kerabatnya. Gotong-royong ini merangkum dua klasifikasi iaitu membuat makanan tradisional dalam kalangan orang tua lama atau pakar dan aktiviti memasak serta menyediakan juadah beramai-ramai. Kedua-dua bahagian ini mempunyai perkaitan yang kuat antara tuan rumah dengan orang kampung. Mereka tidak boleh melakukan semuanya secara sendiri tanpa bantuan dan kepakaran. Lebih-lebih lagi, kuih-kuih tradisional Bajau Sama seperti karas, wajid dan lainnya hanya mampu disiapkan oleh orang-orang yang arif.

Hubungan antara tuan rumah dan keluarga berpautan dengan keseluruhan pengurusan jenazah yang lebih berat berkaitan kewangan. Sudah menjadi kelaziman bahawa keluarga adalah anggota terdekat untuk mendapatkan saluran bantuan atau penyumbang utama. Bagi yang tidak berkemampuan, mereka berusaha memberikan yang terbaik dalam penglibatan mereka. Jika mampu, bantuan kewangan bagi penyediaan keperluan makanan, kos bahan mentah, sumbangan wang kepada imam dan amalan *ngeduang* diberikan kepada tuan rumah. Tujuannya bagi meringankan beban yang ditanggung oleh mereka dan sedekah buat si mati. Perubahan menyeluruh itu termasuklah dalam kaedah penyediaan, bahan-bahan serta adaptasi ritual keagamaan ke dalam adat. Peralatan seperti raga, bahan-bahan kering dan kenduri serta bacaan yassin beramai-ramai adalah melatari dan dicirikan tuntutan agama iaitu mudah serta memudahkan. Gambaran citra kebudayaan masyarakat sama sekali tidak terjejas dengan evolusi tersebut. Senario berkenaan diperteguhkan lagi dengan pemurniaan Islam dalam menghadapi realiti sebuah kematian.

Pada amalan *ngeduang* ini kita dapat melihat bagaimana etnik Bajau Sama di Kota Belud memupuk hubungan baik dan kasih sayang mereka melalui perkongsian. Perkongsian di sini dilihat pada kudrat tenaga, masa dan kewangan mereka. Mereka sama sekali tidak berkira dalam menyumbang sesuatu *ngeduang*, apatah lagi kepentingannya dipercayai buat si arwah dan amal ibadahnya. Kasih sayang inilah menjadi kekuatan *ngeduang* masih diamalkan sehingga ke hari ini sebagai bentuk wadah persembahan kepada si mati dan keluarga yang masih hidup. Dengan itu, mereka berupaya memahami erti kehidupan untuk lebih kuat dan perlu diteruskan. Berpadanan dengan pandangan, Siti Aidah et.al., (2022) bahawa adat yang diwarisi dari satu generasi ke generasi lain memainkan peranan penting dalam kehidupan harian mereka. Perlu difahami bahawa kehidupan sehari-hari mereka dipengaruhi oleh batasan seperti mana yang telah digariskan dalam ketetapan adat.

4. Penyesuaian Persekutaran

Penempatan penduduk memainkan peranan penting kerana berupaya mempengaruhi amalan atau cara hidup bermasyarakat yang pelbagai. Pembudayaan dan pengertian terhadap perlakuan berbudaya etnik lain amat penting bagi membentuk kefahaman menyesuaikan diri di mana mereka berada. Dengan erti kata yang lain, menyesuaikan keadaan semasa dan mempelajari serta memahami adat resam kepelbagaiannya etnik penduduk. Namun, tidak dinafikan penjajahan telah meninggalkan impak yang besar ke dalam dunia ekonomi, politik dan sosiobudaya masyarakat setempat. Perubahan ini membuka peluang etnik Bajau Sama untuk mempelajari dan memanfaatkan peluang selaras kemajuan revolusi untuk kemudahan hidup sehari-hari.

Dalam konteks penyesuaian persekitaran adat ritual pengebumian, melalui pemerhatian ditekankan bahawa pengaruh agama, pendidikan, ekonomi dan sejarah membuktikan perubahan itu harus dilakukan. Tidak terlepas juga, evolusi pada pembuatan *duang* dikaitkan dengan fasa perkembangan awal manusia berasaskan alam sekitar kepada industri. Peralihan ini mengambil tempoh sepanjang penjajahan sehingga ke selepas kemerdekaan, yakni kemodenan. Sebagai bukti, amalan *ngeduang* berubah iaitu bermula dengan mengaplikasikan penggunaan daun keladi. Kemudiannya, dibungkus menggunakan daun kelapa, penggunaan kertas dan plastik. Penjajahan membawa kepada revolusi di Sabah, termasuklah kepada pengenalan atau penggunaan raga yang mudah didapati di pasaran. Hakikatnya, tidak dapat dinafikan bahawa zaman pemerintahan telah meninggalkan kesan keseluruhan dalam perkembangan kualiti hidup manusia.

Perkembangan yang jelas dalam amalan *ngeduang* ini adalah pada kaedah penyediaan atau pembungkusannya yang telah diolah atau diubahsuai menjadi lebih baik mengikut perkembangan semasa.



Gambar 2. Contoh Penyediaan Amalan *Ngeduang* (*Kategori Duang Biasa*)
Sumber: Kajian Lapangan (2022)



Gambar 3. Bungkusn *Kepala Duang*
Sumber: Kajian Lapangan (2022)

Kesimpulan

Secara ringkasnya dapat disimpulkan bahawa etnik Bajau Sama mempunyai amalan *ngeduang* dalam adat dan ritual kematian mereka yang menjadi pegangan sehingga ke hari ini. Amalan ini akan terus dilestarikan apabila wujudnya kesepakatan serta ketataan kepada unsur kepercayaan mandat adat dan ritual itu dijalankan. Etnik Bajau Sama mendukung budaya bersedekah menerusi amalan *ngeduang* sebagai bekalan ke alam barzakh kelak. Pengaruh persekitaran dan kosmologi perlakuan adat dan ritualnya menyerlahkan nilai-nilai murni yang baik untuk dipupuk melalui fungsi dan objektif penyediaan amalan *ngeduang* itu sendiri. Sistem pemikiran

masyarakat Bajau Sama meletakkan hubungan baik sesama insan dan kaum kerabatnya yakni, persaudaraan Islam adalah harus dipupuk. Sementara melibatkan diri dalam pengurusan jenazah ialah fardu kifayah yang memperkayakan lagi amal dan ibadah mereka dalam bermasyarakat. Jelaslah bahawa, amalan *ngeduang* dalam adat dan ritual kematian ini menzahirkan konsep berbuat baik sesama manusia.

Secara tidak langsung, masyarakat Bajau membentuk corak kehidupan mereka menerusi perkongsian mencerminkan budaya bersedekah itu sebagai identiti dan sifat mereka sendiri sebagai pemurah. Ini memberikan kesan positif kepada khalayak lainnya untuk mencontohi serta mengambil nilai-nilai murni yang baik untuk dicontohi sebagai panduan hidup bermasyarakat. Oleh itu, amalan *ngeduang* bukan sesuatu yang asing bagi mereka kerana sudah sebatи dan mempercayai erti konsep bersedekah menerusi pendekatan perkongsian *duang*. Implikasi kajian ini meluas kepada pendedahan serta pemikiran dinamik masyarakat Bajau Sama dalam melakukan perubahan tanpa menghakis makna darinya. Langkah proaktif juga boleh diambil menerusi pelbagai aktiviti menarik seperti mengadakan karnival kebudayaan khususnya buat masyarakat luar dan usaha penyelidikan bagi tujuan pendokumentasian.

Penghargaan: Penulis merakamkan ucapan terima kasih kepada semua informan di atas kesudian meluangkan masa dan membantu memberikan data-data yang diperlukan.

Persetujuan Termaklum: Persetujuan telah diperolehi daripada semua individu atau subjek yang menyertai kajian ini.

Konflik Kepentingan: Pengarang mengisyiharkan tiada konflik kepentingan dengan mana-mana pihak.

Rujukan

- Anwar Din. (2007). *Asas kebudayaan dan kesenian Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bernard, H.R. 2002. *Sosial research methods: Qualitative and quantitative approaches*. Thousand Oaks CA, Sage Publications.
- Chou, C.& Clifton, J. (2010). *The Orang Suku Laut of Riau, Indonesia: The inalienable gift of territory*, Routledge.
- Christina Andin, Rosazman Hussin & Johan Johnes. (2022). Toleransi etnik melalui perayaan orang asal di Sabah: Aplikasi teori tingkah laku terancang. *E-Bangi: Journal of Special Sciences and Humanities*, 19(6), 195-214.
- Gaynor, J.L. (2005). The decline of small-scale fishing and the reorganization of livelihood practices among Sama people in Eastern Indonesia. *Mich. Discuss. Anthropol.*, 15, 90-149.
- Halina Sendera Mohd. Yakin & Saidatul Nornis Hj. Mahali. (2008). Duang: The semiotic interpretation and perception of the Bajau-Sama community in Sabah. *Sari: Jurnal Alam dan Tamadun Melayu*, 26, 71-78.
- Halina Sendera Mohd. Yakin. (2018). *Struktur adat kematian menyingkap pandangan alam dan kosmologi masyarakat Bajau*. Universiti Malaysia Sabah.
- Izmanira Ismail. (2003). *Adat tradisi kematian bagi suku kaum Bajau (Sama) Taun Gusi Kota Belud Sabah* [Tesis Sarjanamuda Pengajian Seni]. Sekolah Pengajian Seni, Universiti Malaysia Sabah.
- Jacquelina Karimon & Steven Alezender. (2022). Mitos angkapio medium interaksi antara alam dan manusia menurut kepercayaan Murut Paluan. *E-Bangi: Journal of Special Sciences and Humanities*, 20(1), 17-29. <https://doi.org/10.17576/ebangi.2023.2001.02>
- Johan Johnes, Rosazman Hussin & Trixie Marjorie Tangit. (2022). Keharmonian masyarakat melalui perayaan rakyat. *E-Bangi: Journal of Special Sciences and Humanities*, 19(6), 75-87.
- Nadiyah Mazi Aljohani & Er Ah Choy. (2021). Impact of heritage tourism on local community in Sabah, Malaysia. *E-Bangi: Journal of Special Sciences and Humanities*, 18(5), 122-137.
- Nordiana Mosum dan Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff. (2017). Adat dan kepercayaan dalam ritual kematian masyarakat Bajau. *Jurnal Wacana Sarjana*, 1(1), 1-18.

- Nordiana Mosum. (2017). *Adat dan kepercayaan dalam ritual kematian masyarakat Bajau* [Tesis Sarjanamuda]. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rosazman Hussin, Johan Johnes & Jeannet Stephen. (2022). Pengaruh hak dan undang-undang adat terhadap toleransi dan hubungan harmoni antara etnik, di Sabah. *E-Bangi: Journal of Special Sciences and Humanities*, 19(6), 103-112.
- Saidatul Nornis Hj. Mahali (pngr.). (2010). *Adat dan ritual kematian di Sabah*. Kota Kinabalu, Sabah: Universiti Sabah Malaysia.
- Shaiful Bahri Md. Radzi. (2016). *Penyelidikan kualitatif*. Kuala Lumpur: Global Mediastreet Sdn. Bhd.
- Siti Aidah binti Lukin @ Lokin, Suraya Sintang & Johan Johnes. (2022). Sejarah dan pengalaman hubungan etnik di Sabah: Kesepaduan dalam kepelbagaian. *E-Bangi: Journal of Special Sciences and Humanities*, 19(6), 183-192.
- Suraya Sintang, Mohd. Nazmi Mohd. Khalli, Khadijah Mohd. Khambali@Hambali & Rosazman Hussin. (2022). Menjana keharmonian melalui jalinan kerjasama antara penganut beza agama di Sabah. *E-Bangi: Journal of Special Sciences and Humanities*, 19(6), 88-102.
- Wilbert, E. Moore. 1965. *Social Change*. (Cetakan Pertama 1963). Prentice-Hall.